

## KEPIMPINAN MUFTI HARUSSANI DALAM INSTITUSI KEKELUARGAAN: ANALISIS PENDIDIKAN

### *Mufti Harussani's Leadership In Family Institutions: An Education Analysis*

Muhammad Mustaqim Roslan<sup>1a\*</sup> dan Hanis Sofia, J. A.<sup>2b</sup>

<sup>a</sup>Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan,  
33000 Kuala Kangsar, Perak, MALAYSIA

Emel: [muhd.mustaqim@usas.edu.my](mailto:muhd.mustaqim@usas.edu.my)<sup>1</sup>

<sup>b</sup>Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah,

Emel: [hanissofia2910@gmail.com](mailto:hanissofia2910@gmail.com)<sup>2</sup>

\*Corresponding Author: [muhd.mustaqim@usas.edu.my](mailto:muhd.mustaqim@usas.edu.my)

Received: 13 September 2023

Accepted: 23 January 2024

Published: 31 May 2024

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.29no2.562>

Abstrak	Abstract
<p>Harussani Zakaria merupakan salah seorang bekas mufti yang cukup terkenal di negeri Perak Darul Ridzuan. Kehebatan tokoh ini tidak dapat disangkal lagi apabila beliau telah menerima anugerah Tokoh Ulama Sepanjang Zaman yang diumumkan dalam Majlis Perdana Ulama-Umara dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam pada tahun 2017. Di samping kesibukan mufti Harussani dalam memimpin hal ehwal agama di negeri Perak, beliau juga tidak terlepas dalam memimpin ahli keluarganya yang menjadi tanggungjawab dan amanah pada setiap ketua keluarga. Oleh yang demikian, kajian ini bermatlamat untuk menganalisis kepimpinan mufti Harussani dalam institusi kekeluargaan khususnya dalam skop pendidikan. Kajian ini mengadaptasikan reka bentuk kualitatif dengan kaedah pengumpulan data adalah kombinasi teknik analisis kandungan dokumen dan temu bual soalan separa berstruktur. Kaedah analisis kandungan</p>	<p>Harussani Zakaria is one of the famous former muftis in the state of Perak Darul Ridzuan. The greatness of this figure could no longer be denied when he received the Tokoh Ulama Sepanjang Zaman award, which was announced in the Majlis Perdana Ulama-Umara and Islamic Non-Governmental Organisations (NGOs) in 2017. In addition to leading religious affairs in the state of Perak, mufti Harussani did not neglect to lead his family members, which is the responsibility and trust of every family head. Therefore, the purpose of this article is to analyse mufti Harussani's leadership in family institutions, particularly in the field of education. This study adopted a qualitative design and a data collection method that combined document content analysis techniques with semi-structured question interviews. Document content analysis methods were used again in data analysis, and the results were categorised using</p>

<p>dokumen digunakan sekali lagi dalam analisis data yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat lima ciri kepimpinan terhadap pendidikan yang telah diterapkan oleh mufti Harussani dalam institusi kekeluargaan iaitu, pendidikan yang konservatif, pendidikan agama sebagai teras utama, ketegasan dalam mendidik, bertanggungjawab terhadap pendidikan dan pendidikan melalui tauladan. Kajian lanjutan diperlukan bagi melihat sifat kepimpinan mufti Harussani dalam skop yang lain agar dapat dijadikan tauladan yang berguna kepada masyarakat umumnya.</p> <p><b>Kata kunci:</b> institusi keluarga, kepimpinan, mufti Harussani, pendidikan, Perak Darul Ridzuan.</p>	<p>thematic methods. According to the findings, mufti Harussani used five leadership characteristics in education in family institutions, namely conservative education, religious education as the main core, strictness in educating, responsibility for education, and education through example. Further study is needed to understand the nature of mufti Harussani's leadership in other contexts so that it can be used as an example for the general public.</p> <p><b>Keywords:</b> family institutions, leadership, mufti Harussani, education, Perak Darul Ridzuan.</p>
---	--

## 1.0 PENDAHULUAN

Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2015), kepimpinan merujuk kepada keupayaan, kebolehan, pencapaian dan sebagainya. Ia juga merupakan satu sifat yang melibatkan proses merancang, menguatkuasakan, membimbing dan lain-lain. Takrifan ini turut disokong oleh Mahyudin (2018) yang menyatakan bahawa memimpin itu melibatkan proses merancang, menguatkuasakan, membimbing, mentadbir dan sebagainya untuk mencapai matlamat melalui aturan syariat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Eddy (2013) menukilkan bahawa, hanya pemimpin yang menjalankan tugas dengan cekap dan sempurna atau bersifat kompeten sahaja akan mendapat pencapaian yang efektif melalui kepimpinannya. Ia memerlukan individu-individu yang cekap dan bertanggungjawab dalam menggalas tugas pemimpin kerana pemimpin ialah orang yang selayaknya dipilih untuk diberikan amanah. Ia bertepatan dengan hadis Nabi SAW yang bermaksud:

*“Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu bertanggung jawab dengan apa yang dipimpin. Maka seorang Imam adalah pemimpin dan dia bertanggungjawab, seorang suami pemimpin kepada ahli keluarganya dan dia bertanggungjawab, dan isteri adalah pemimpin yang bertanggungjawab terhadap rumah suaminya. Dan hamba adalah pemimpin dan bertanggungjawab kepada harta tuannya. Sesungguhnya setiap kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin adalah bertanggungjawab”* (H.R. Al-Bukhari: 2278).

Institusi hal ehwal agama Islam di Malaysia juga tidak terlepas daripada individu-individu yang dipertanggungjawabkan untuk memimpin organisasinya. Mufti-mufti agama di seluruh negara termasuklah di negeri Perak Darul Ridzuan merupakan ketua agama yang membantu dan menjadi penasihat YYMM Sultan dan kerajaan negeri dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal hukum syarak (Jabatan Mufti Negeri Perak, 2023). Selain itu juga, kepimpinan mufti sangat penting dalam institusi agama bagi menyelesaikan segala permasalahan-permasalahan baharu yang muncul pada masa kini. Harussani Zakaria merupakan salah seorang bekas mufti yang cukup terkenal di negeri Perak Darul Ridzuan. Perkhidmatan beliau sebagai mufti Perak mencecah hampir 40 tahun lamanya bermula perlantikannya pada tahun 1985 hinggalah beliau meninggal dunia pada tahun 2021 (Zulsyamini, 2021). Kehebatan tokoh ini tidak dapat disangkal lagi apabila beliau telah menerima anugerah Tokoh Ulama Sepanjang Zaman yang diumumkan dalam Majlis Perdana Ulama-Umara dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam (Harian Metro, 2017).

Kepimpinan mufti Harussani jelas terlihat dalam bidang profesionalnya menerusi setiap hasil kerja yang telah beliau jalankan. Kepekaan dan kewibawaan yang wujud dalam dirinya menjadi sumber inspirasi masyarakat khususnya yang beragama Islam. Di samping kesibukan mufti Harussani dalam memimpin hal ehwal agama di negeri Perak, beliau juga tidak terlepas daripada memimpin ahli keluarganya yang menjadi tanggungjawab dan amanah pada setiap ketua keluarga. Hal ini menimbulkan persoalan kepada penulis tentang sifat kepimpinan yang diterapkan oleh mufti Harussani dalam memimpin keluarganya di samping kesibukan beliau dalam memimpin hal ehwal agama Islam di negeri Perak. Artikel ini sangat signifikan agar ia dapat memberikan pencerahan terhadap pembaca tentang sifat kepimpinan dalam institusi kekeluargaan yang dipimpin oleh tokoh yang dikagumi ini. Oleh yang demikian, artikel ini bermatlamat untuk menganalisis kepimpinan mufti Harussani dalam institusi kekeluargaan khususnya dalam skop pendidikan. Skop pendidikan ini dipilih kerana ia merupakan perkara terpenting dalam menjamin kelestarian institusi sesebuah keluarga yang kondusif dan harmoni. Selain itu juga, aspek pendidikan merupakan wadah utama yang dituntut dalam agama selari dengan firman Allah SWT dalam surah al-'Alaq, ayat 1 yang bermaksud:

*“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk)” (Q.S. Al-'Alaq: 96: 1).*

## 2.0 SOROTAN KAJIAN

Sorotan kajian atau sinonim dengan analisis pembacaan merupakan ulasan kepustakaan yang diambil daripada pelbagai sumber rujukan seperti tesis, disertasi, artikel jurnal, kertas persidangan dan sebagainya. Ia bertujuan untuk memadankan atau membezakan penulisan dan kajian lepas dengan kajian yang sedang dijalankan, di samping untuk mencari gap in knowledge atau ruangan antara aspek-aspek yang telah dan belum dikaji (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2021). Oleh yang demikian, kajian ini telah menggunakan pendekatan Narrative Review dalam menghuraikan sorotan kajian-kajian lepas yang telah dikaji. Kajian ini memulakan dengan sorotan kajian Kamarudin Salleh dan Nurul Athirah Mohamad Anuar (2022) yang bertajuk "*Pemikiran Islam (Allahyarham) Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria*". Kajian ini mengadaptasikan reka bentuk kualitatif dan bertujuan untuk meneroka dan mengkaji secara terperinci tentang pemikiran kritis dan pandangan Harussani Zakaria tentang cabaran pemikiran dan pembangunan Islam di Malaysia. Kajian ini terdapat jurang yang paling hampir dengan kajian yang sedang dijalankan pengkaji iaitu mengkaji tentang ketokohan mufti Harussani. Namun pendekatannya adalah berbeza kerana ia lebih tertumpu kepada pemikiran Islam beliau dalam bermasyarakat dan tidaklah berfokus kepada kepimpinan kekeluargaan. Oleh yang demikian, kajian ini sangat signifikan untuk dikaji bagi menganalisis kepimpinan mufti Harussani terhadap pendidikan dalam institusi kekeluargaan.

Seterusnya adalah kajian yang turut disoroti pengkaji berjudul "*Hubungan Antara Keterlibatan Ayah dengan Pembentukan Karakter Pada Remaja*" oleh Widya Lestari, Sitti Nursetiawati dan Vera Utami (2015). Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana karakter seorang bapa itu mampu membentuk dan membina anak-anak sedari usia dini. Jurang kajian ini adalah agak besar kerana ia lebih tertumpu kepada hubungan karakter ayah dengan anak dalam sesebuah keluarga dan bukanlah berfokus kepada sifat kepimpinan seseorang tokoh. Sungguhpun kajian ini turut membincangkan berkaitan dengan sistem kekeluargaan dan bapa dijadikan sampel utama dalam kajian ini, namun pendekatan yang digunakan adalah berbeza kerana kajian ini telah mengadaptasikan pendekatan kuantitatif dalam kajian mereka dan bukanlah kualitatif. Tambahan lagi, skop bapa yang dijadikan sampel adalah begitu besar seramai 169 sampel, manakala kajian ini adalah berfokus kepada seorang sampel sahaja. Oleh yang demikian, ia membuka ruang kajian baharu untuk dijalankan sebagai nilai tambah dalam dunia penyelidikan dengan bertambahnya literatur daripada kajian ini.

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk memastikan objektif dan matlamat kajian tercapai. Oleh itu, kajian ini telah mengatur metodologi kajian dan strategi-strategi yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui tiga pendekatan iaitu, reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data (Mustaqim Roslan, 2023). Kajian ini mengadaptasikan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur untuk mendapatkan data kajian. Seorang ahli keluarga yang merupakan anak kepada mufti Harussani iaitu Ahmad Wafi Harussani dijadikan sampel kajian. Keakraban dengan bapa beliau menjadi justifikasi kuat pengkaji dalam mendapatkan data-data primer sebelum dianalisis. Dalam kajian kualitatif, bilangan responden yang ditemu bual bukan menjadi isu utama kerana tidak ada satu peraturan khusus yang boleh digunakan dalam menentukan saiz sampel (Patton, 2002). Hal ini kerana kajian kualitatif bukan untuk membuat generalisasi kepada populasi kajian tetapi lebih kepada meneroka secara mendalam fenomena yang dikaji (Creswell, 2002).

Selain daripada itu juga, kaedah analisis kandungan dokumen turut digunakan dalam mengumpul dan menganalisis data yang mana hasilnya dihuraikan mengikut kaedah tematik. Terdapat lima komponen yang disusun atur dalam menganalisis data dengan menggunakan kaedah tematik ini iaitu dimulai dengan penulisan transkrip secara varbetim, pengagihan data mengikut persoalan kajian, pengkategorian isi kandungan data, membina tema kajian dan membuat koding data (Mustaqim Roslan, 2023). Gabungan dua kaedah pengumpulan data dalam kajian ini bertujuan agar data-data yang dikumpulkan adalah mencapai tahap validity iaitu kesahan data bagi menjawab objektif dan persoalan kajian. Hal ini menunjukkan bahawa kajian ini telah menggunakan teknik triangulasi dengan menggabungkan dua atau lebih kaedah dalam kutipan data untuk mengkaji tingkah laku manusia (Cohen, Manion & Morisson, 2000). Oleh yang demikian, secara dasarnya kajian ini telah menggunakan dua jenis data iaitu data primer dan sekunder. Data primer adalah merujuk kepada data temu bual yang diperoleh daripada sesi wawancara yang dilakukan serta al-Quran dan al-Sunnah, manakala data sekunder adalah diperoleh daripada kitab-kitab tafsir, buku-buku, kajian-kajian pascasiswazah, artikel-artikel jurnal dan kertas-kertas persidangan.

### 4.0 LATAR BELAKANG MUFTI HARUSSANI

Mufti Harussani atau nama penuhnya ialah Harussani bin Zakaria dilahirkan pada tanggal 8 April 1939 di kampung Parit Tok Ngah, Perak


Darul Ridzuan. Menurut Ahmad Wafi (2023), Mufti Harussani merupakan anak bongsu dalam keluarganya dan beliau bersekolah rendah di sekolah Melayu Kampung Kedah, Parit Buntar dan bersekolah menengah di Anglo Chinese School, Parit Buntar, Perak. Ketika mufti Harussani berumur 17 tahun, beliau terdetik untuk mempelajari ilmu agama dengan mendalam. Mufti Harussani tekad dengan hasratnya untuk menyambung pengajian di Madrasah Idrisiah Kuala Kangsar, Perak. Hal ini merupakan zaman kegemilangan Madrasah Idrisiah kerana berjaya melahirkan ramai tokoh Islam yang disegani antaranya ialah mufti negeri Perak iaitu, Harussani sendiri pada ketika itu. Menurut Kamaruddin Salleh & Nurul Athirah Mohd Anuar (2022), beliau adalah seorang yang bijak dan tegas dalam apa jua yang dilakukan dan inilah antara sifat kepimpinan yang mula terserlah sebelum beliau dilantik sebagai mufti. Atas kepercayaan kerajaan negeri pada satu ketika dahulu, mufti Harussani pernah dilantik sebagai Kadi di Pulau Pinang. Setelah itu, beliau dilantik sebagai mufti Perak kelapan bagi memperhalusi hal ehwal agama Islam di negeri itu atas perkenan DYMM Tuanku Perak (Ahmad Wafi, 2023).

Mufti Harussani adalah seorang mufti yang berjiwa kepimpinan dan tegas dalam berbicara. Walaupun pandangan beliau kadang-kala sedikit berbeza dengan sebahagian mufti yang lain, namun beliau mempunyai pendirian dalam menegakkan hujah dan ini membuktikan beliau adalah seorang yang berprinsip. Hal ini menjadikan beliau dihormati dan tidak dipandang rendah oleh masyarakat umum mahupun pihak-pihak berkepentingan dalam institusi kerajaan. Menurut Mohd. Fauzi Hamat (2006), selain mufti Harussani begitu tegas dan berintegriti dalam kerjayanya, sifat kepimpinan beliau ini turut diterapkan dalam institusi keluarganya dalam mendidik anak-anak beliau khususnya dalam mendalami ilmu-ilmu agama. Menurut beliau, ilmu agama adalah paling penting dalam kehidupan seseorang muslim untuk berjaya di dunia mahupun di akhirat di samping sebagai pembimbing seseorang daripada melakukan kemungkaran (Ahmad Wafi, 2023). Mufti Harussani merupakan tokoh agamawan yang disegani dengan sifat ketegasan dan kebijaksanaannya dalam selok-belok agama Islam. Hal ini menjadi tunjang dalam kepimpinan mufti Harussani dalam mendidik ahli keluarganya khususnya dalam pendidikan.

## **5.0 ANALISIS KEPIMPINAN MUFTI HARUSSANI DALAM PENDIDIKAN**

Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2005) pendidikan membawa maksud didikan, latihan dan ajaran. Manakala Najeemah Md. Yusoff (2006) berpendapat bahawa pendidikan ialah pembangunan dan gaya pemikiran

melalui pembelajaran yang merangkumi pendidikan formal dan pendidikan tidak formal. Menurut kajian Hendrik Ryan Puan Renna (2022) pula, pendidikan merupakan salah satu pengalaman yang dimiliki oleh manusia dalam membangunkan minda serta pembangunan jati diri. Pendidikan memainkan peranan penting apabila intipati itu berpotensi untuk mempengaruhi kehidupan manusia yang lebih baik daripada sebelumnya. Dapat disimpulkan bahawa pendidikan merupakan satu proses untuk manusia mengubah diri serta kehidupan masing-masing ke arah kebaikan sama ada melalui pendidikan formal mahupun pendidikan tidak formal. Oleh yang demikian, kepimpinan mufti Harussani dari sudut pendidikan dalam konteks institusi kekeluargaan ini dapat dibahagikan kepada lima iaitu, pendidikan yang konservatif, pendidikan agama sebagai teras utama, ketegasan dalam mendidik, bertanggungjawab terhadap pendidikan dan pendidikan melalui tauladan. Berikut adalah hasil dapatan umum terhadap ciri-ciri kepimpinan mufti Harussani terhadap pendidikan dalam institusi kekeluargaan:



### 5.1 Pendidikan yang Konservatif

Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2005), konservatif bermaksud bersikap mempertahankan adat, nilai yang sememangnya telah menjadi kelaziman atau tradisi bahkan tidak mudah menerima perubahan. Selain itu, menurut Mochamad Nasichin al Muiz & Muhammad Miftah (2020) konservatif diertikan sebagai sikap atau perilaku dalam upaya mempertahankan dan menjaga suatu keadaan tertentu, termasuk kebiasaan, tradisi yang sudah berlaku. Perkara ini turut disokong oleh kajian Muhammad Khalis Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor (2022) yang berpandangan bahawa seseorang yang bersikap konservatif ini lebih cenderung dalam memelihara dan mengembalikan semula tradisi nenek moyang mereka kepada generasi yang akan datang. Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa pendidikan yang konservatif merupakan perilaku dalam upaya menjaga suatu keadaan tertentu, contohnya seperti cara

pendidikan yang yang diajar sejak zaman dahulu kala seperti mengajarkan ajaran Islam, membiasakan mengaji al-Quran, belajar tentang as-Sunnah, ibadah, pengajian kitab-kitab lama, pengajian bahasa Arab dan lain-lain.

Pendidikan konservatif ini masih mengekalkan tradisi zaman dahulu ibarat kata pepatah 'tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas'. Sistem pendidikan inilah yang telah diterapkan oleh mufti Harussani dalam keluarganya hingga memberikan kesan yang positif kepada anak-anak beliau. Hal ini dapat dibuktikan apabila beliau masih mengekalkan cara 'old school' dalam mendidik anak-anaknya dengan sedikit ketegasan. Mufti Harussani pernah merotan anak-anak beliau dengan sekadarnya jika didapati degil pada tahap umur yang munasabah (Ahmad Wafi, 2023). Ia sebagai pengajaran kepada anak-anak agar tidak mengulanginya pada masa akan datang. Hal ini jika dipandang dari sudut yang negatif, ia kelihatan kasar dan tidak bersesuaian. Namun, ia sebenarnya dapat memberikan banyak kesan positif terhadap diri individu itu sendiri yang mampu mengubah kehidupan seseorang sepanjang hayat mereka. Hal ini bersesuaian dengan hadis Nabi SAW tentang didikan anak-anak dengan menggunakan rotan di peringkat umur mereka yang masih kecil. Nabi SAW bersabda dengan maksudnya:

*"Perintahkanlah kepada anak-anak kamu untuk mengerjakan solat semasa mereka berumur tujuh tahun. Dan pukullah mereka untuk sekiranya mereka solat ketika mereka berumur sepuluh tahun dan asingkanlah mereka daripada tempat tidur kamu"* (H.R. Abu Daud: 495).

Selain itu juga, dalam hubungan antara seorang bapa dan anak, mufti Harussani telah meletakkan jurang atau gap yang mana bapa sebagai ketua keluarga dan pemimpin (Ahmad Wafi, 2023). Jurang ini wujud bertujuan untuk mendidik anak-anak agar tidak melampaui batas sebagai seorang anak. Antara cara lain yang dilakukan oleh mufti Harussani dalam menegur kesalahan anak-anak, cukup hanya sekadar dengan memberi isyarat-isyarat mata yang menunjukkan bahawa anak beliau ini ada melakukan kesalahan, ada melakukan sesuatu perkara yang tidak sepatutnya dilakukan dan seangkatan dengannya (Ahmad Wafi, 2023). Ibarat kata, beliau tidak perlu meninggikan suara dalam menegur anak-anaknya. Walaupun mufti Harussani lebih cenderung bersikap konservatif dalam mendidik anak-anaknya, beliau juga bersifat terbuka iaitu boleh menerima perkembangan terbaru dalam mendidik anak-anak. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan konservatif yang diterapkan oleh mufti Harussani dalam mendidik anak-anaknya ini mungkin lebih kepada berhati-hati dalam memilih serta membuat perubahan yang perlu diterima. Oleh itu, orientasi pendidikan konservatif ini cenderung untuk mengekalkan norma yang telah



ditetapkan. Matlamat konservatif ialah satu cara untuk memelihara dan menyebarkan corak dan tradisi yang ditubuhkan secara sosial dan ia kelihatan masih dikekalkan oleh mufti Harussani dalam mendidik ahli keluarganya.

## 5.2 Pendidikan Agama sebagai Teras Utama

Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2005), pendidikan ialah cara atau tindakan untuk memberikan pendidikan manakala agama merujuk kepada keyakinan kepada Tuhan serta sifat-sifatNya dan kepercayaan kepada yang Maha Kuasa. Sistem pendidikan Islam merangkumi semua bidang kehidupan yang diperlukan oleh hamba Allah SWT sebagaimana Islam telah menjadi panduan untuk setiap aspek kehidupan manusia, termasuk yang berkaitan dengan dunia dan akhirat. Menurut Setiyadi (2012), pemahaman tentang pendidikan agama Islam merupakan suatu proses mempersiapkan generasi muda untuk berperanan dalam menghantar ilmu dan nilai-nilai Islam, dengan tujuan agar manusia dapat mengamalkannya di dunia ini dan memetik ganjarannya di akhirat. Selain itu, pendidikan agama Islam juga bertujuan untuk memupuk pertumbuhan yang seimbang dalam keseluruhan individu melalui latihan jiwa dan intelektual, serta perkembangan rasional diri. Dalam konteks kepimpinan keluarga, pendidikan Islam berperanan penting dalam membentuk sikap, tindakan, dan pemahaman anggota keluarga melalui nilai-nilai spiritual.

Mufti Harussani amat menitik beratkan ilmu agama Islam apabila beliau berjaya menghantar anak-anaknya mendalami ilmu agama pada peringkat sekolah rendah lagi. Setelah itu, mereka dihantar oleh mufti Harussani untuk belajar di sekolah menengah agama sejak bermula umur 13 tahun (Ahmad Wafi, 2023). Menurut mufti Harussani, pendidikan agama ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu, pembelajaran formal dan pembelajaran tidak formal (Ahmad Wafi, 2023). Pembelajaran formal merujuk kepada pendidikan agama di sekolah, manakala pembelajaran tidak formal merujuk kepada pendidikan agama di luar sekolah seperti belajar membaca Al-Quran di rumah dan lain-lain. Kedua-dua jenis pendidikan ini telah diterapkan oleh mufti Harussani dalam keluarganya dengan menjadikan agama Islam itu sebagai teras utama kepada pendidikan. Hal ini selari dengan Firman Allah SWT dalam Surah al-Tahrim ayat 6 yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, dan keras, yang tidak durhaka kepada Allah terhadap apa yang Dia perintahkan kepada mereka dan*

*selalu mengerjakan apa yang diperintahkan” (Q.S. Al-Tahrim: 66: 6).*

Menurut Ibnu Kathir (2003) apabila beliau menukilkan pandangan Sufyan al-Sauri dan Ali bin Abu Talhah tentang ayat ini bahawa, menjadi kewajipan seorang bapa untuk mendidik ahli keluarganya agar mentaati perintah Allah SWT dan menghindari perbuatan-perbuatan yang menderhakai-Nya. Ayat ini turut menyeru agar ahli keluarga untuk sentiasa mengingati Allah SWT dan nescaya Allah SWT akan menyelamatkan beliau dan keluarganya daripada api neraka. Oleh yang demikian, pendidikan agama Islam dalam sesebuah keluarga sangat penting. Hal ini membuktikan bahawa mufti Harussani telah memastikan keluarganya memahami nilai-nilai agama, mematuhi perintah Allah SWT dan menjauhi perbuatan dosa bagi melindungi diri dan keluarganya daripada seksaan api neraka. Ini menjadikan cara didikan yang digunakan oleh mufti Harussani dapat mencorakan tingkah laku dan akhlak yang baik dalam diri anak-anak beliau. Selain itu, cara didikan ini juga dapat mendisiplinkan anak-anaknya sehingga mereka meningkat usia remaja dan dewasa, seterusnya meneruskan amalan tersebut pula kepada anak dan cucu-cicit mereka.

### **5.3 Ketegasan dalam Mendidik**

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), ketegasan ialah perihal tegas, kejelasan, ketetapan, apa yang ditegaskan, dan keterangan. Menurut Siti Nur Zakirah (2014) tegas bermaksud keupayaan dalam diri seseorang individu yang ingin menyatakan apa yang ada dalam fikirannya sama ada dari sudut positif mahupun negatif. Ketegasan juga bertujuan mempertahankan diri sendiri, memastikan pendapat dan perasaan dipertimbangkan dan tidak membiarkan orang lain sentiasa mengikut kehendak mereka (Chris William, 2000). Menurut Hamdan (2007), sifat ketegasan diri bukanlah satu sifat yang sememangnya terdapat dalam diri seseorang individu itu, tetapi sebaliknya sifat ini merupakan satu kemahiran yang boleh dipelajari melalui latihan asertif. Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa ketegasan itu adalah sifat garang tanpa menggunakan sentuhan fizikal dalam mendidik, menegur dan mengajar seseorang (Siti Qurrotul Ayuni Radia Hijrawan, 2020). Sikap ini menggunakan emosi marah terhadap seseorang dalam sesuatu perkara dan ia cenderung kepada menyuarakan pendapat sama ada pada pandangan positif atau negatif bagi mengelakkan diri daripada menerima pandangan orang lain semata-mata.

Mufti Harussani sangat tegas dalam mendidik anak-anaknya terutama dalam hal ehwal keagamaan. Namun, dalam ketegasan mendidik anak-anak, beliau bersifat lemah lembut dalam kepimpinannya (Ahmad Wafi, 2023). Hal ini

bermaksud, setiap yang ditekankan dalam rutin harian lebih didasarkan pada nilai amalan Islam yang beliau pelajari dan fahami. Oleh itu, dalam mendidik anak-anak tidak semestinya ibu bapa bersifat tegas yang berpanjangan. Beliau tidak hanya mendekati keluarga dengan tegas, malah berusaha untuk mendekati mereka dengan penuh kasih sayang. Di samping itu, mufti Harussani sentiasa menegaskan kepada anak-anaknya tentang tanggungjawab seorang muslim dengan sentiasa menjaga ibadah solat (Ahmad Wafi, 2023). Hal ini kerana solat itu merupakan perkara asas dalam setiap perkara yang kita jalani dalam kehidupan hari ini. Ibadah solat dan membaca al-Quran amat dititikberatkan oleh mufti Harussani dalam mendidik ahli keluarganya. Pernah suatu ketika beliau pernah mengurung anak beliau di dalam reban ayam gara-gara lewat pulang ke rumah selepas masuk waktu Maghrib (Ahmad Wafi, 2023). Di samping itu, mufti Harussani tidak pernah memaksa anak-anaknya dalam melakukan solat-solat sunat, akan tetapi beliau sentiasa memberi galakan dan penegasan untuk melakukan solat-solat sunat tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa mufti Harussani sangat tegas dalam mendidik anak-anak khususnya dalam hal ehwal agama yang menjadi kewajipan bagi setiap muslim.

Menurut Ahmad Wafi (2023), ketegasan mufti Harussani itu tidaklah bermaksud beliau sentiasa garang mahupun mencari kesalahan atau menghalang anak-anaknya menerokai sesuatu yang baharu, akan tetapi beliau tegas dalam beberapa situasi yang difikirkan tidak sesuai dilakukan oleh ahli keluarganya. Selain itu juga, mufti Harussani merupakan seorang yang tegas terhadap pengurusan masa. Beliau berpendapat bahawa setiap perkara yang dilakukan dalam kehidupan seharian ini memerlukan pengurusan masa yang baik kerana ia penyumbang kepada kejayaan seseorang. Apabila seseorang itu bijak menguruskan masa dengan sebaik-baiknya, setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan ini akan berjalan lancar sesuai dengan perkara yang dikehendaki dan dirancang. Selain itu, penjagaan masa ini sedikit sebanyak telah memupuk sikap disiplin dalam diri anak-anak beliau dalam pengurusan masa. Pada perspektif mufti Harussani, tegas merupakan pengekal prinsip yang tersendiri dalam mendidik anak-anak beliau tanpa perlu berlumba-lumba atau meniru cara ibu bapa lain dalam mendidik anak-anak mereka (Ahmad Wafi, 2023). Ketegasan itu bukanlah dengan hukuman fizikal semata-mata, namun ketua keluarga mestilah selalu menasihati dan menerapkan disiplin kepada anak-anak. Sesungguhnya ketegasan dengan batasan hukuman kepada anak-anak adalah sebagai pengajaran buat mereka, ibarat kata 'sayang anak tangan-tangankan, sayang isteri tinggal-tinggalkan'.

#### 5.4 Bertanggungjawab terhadap Pendidikan

Sebagai seorang pemimpin atau ketua keluarga, sifat bertanggungjawab ini menjadi kewajipan yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin bagi memastikan keluarga yang dipimpin terpelihara dengan baik. Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2005), tanggungjawab bermaksud kewajipan yang harus dipikul oleh seseorang serta segala perkara yang wajib ditanggung. Namun begitu, tanggungjawab ialah kesedaran manusia tentang tingkah laku perbuatan atau perbuatan yang disengajakan serta tidak disengajakan. Tanggungjawab ini mempunyai kategori-kategorinya yang tersendiri yang dapat dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu tanggungjawab kita sebagai hamba Allah SWT, tanggungjawab kepada diri sendiri dan tanggungjawab terhadap kerja atau amanah yang diberikan (Shabri Shaleh Anwar, 2004). Menurut Elfi Yuliani Rochmah (2016), tanggungjawab bermaksud ciri manusia yang berbudaya serta manusia yang beriman kepada Allah SWT. Oleh yang demikian, tanggungjawab merupakan satu karakter yang ada pada seseorang yang sedar akan tugas-tugas, peranan dan amanah yang patut digalas dan dilaksanakan oleh seseorang yang bergelar pemimpin.

Mufti Harussani merupakan seorang bapa dan pemimpin yang sangat bertanggungjawab dalam institusi keluarganya. Hal ini dapat dibuktikan apabila mufti Harussani telah memastikan anak-anaknya mendapat pendidikan yang bermutu dan berkualiti tinggi terutama dalam bidang agama Islam (Ahmad Wafi, 2023). Sikap mementingkan didikan agama ini telah diterapkan oleh mufti Harussani sendiri sejak anak-anaknya berada pada peringkat usia kanak-kanak lagi. Pembelajaran ilmu agama Islam ini tidaklah terhad kepada kepercayaan hanya kepada Tuhan yang maha Esa dan Rasulullah SAW sahaja semata-mata, namun ia juga mencakupi kepercayaan kepada alam ghaib, tatacara hidup sebagai seorang muslim, hal ehwal ibadah seperti solat, puasa serta muamalat jual beli dan sebagainya. Menurut Ahmad Wafi (2023), mufti Harussani sangat mementingkan pendidikan agama Islam kerana Islam telah menetapkan garis panduan yang bersesuaian dan terbaik terhadap umatnya dalam menjalani kehidupan harian dengan penuh keimanan dan ketakwaan.

Selain daripada itu juga, sifat tanggungjawab mufti Harussani sebagai bapa dapat dibuktikan apabila beliau sanggup menggunakan tenaga dan masa yang beliau ada untuk mencari penaja dan kemudahan pendidikan demi anak-anak beliau (Ahmad Wafi, 2023). Walaupun beliau sibuk dengan kerjayanya, beliau masih seorang bapa yang bertanggungjawab dengan memastikan keadaan anak dan pendidikan anak beliau dalam keadaan yang baik dan sempurna. Secara tidak langsung, mufti Harussani telah memupuk

sifat tanggungjawab dalam diri anak-anak dengan menonjolkan sikap beliau ini dalam kehidupan anak-anaknya untuk dijadikan ikutan dan contoh. Sikap atau sifat bertanggungjawab ini bukanlah satu sifat semulajadi yang ada pada diri seseorang kerana sifat ini melibatkan kesedaran diri masing-masing terhadap perkara yang harus ditunaikan, dilaksanakan dan dipikul.

### 5.5 Pendidikan Melalui Tauladan

Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2005), teladan membawa maksud perbuatan yang patut diikuti, dicontohi dan ditiru. Keteladanan merupakan salah satu kaedah pendidikan yang sangat berkesan dalam Islam dan dapat digunakan oleh ibu bapa untuk mendidik anak-anak mereka. Ini kerana pendidikan melalui keteladanan akan memberi kesan kepada kebiasaan, tingkah laku dan sikap individu (Ali Mustofa, 2019). Apabila seorang anak melihat tingkah laku yang dilakukan oleh ibu bapa pada usia muda mereka terutama sekali anak-anak kecil, perbuatan tersebut boleh menjadi contoh dan ikutan serta dapat diterapkan dalam budaya mereka. Peranan ibu bapa dalam membentuk sifat dan tingkah laku positif anak-anak sangat penting. Mereka dapat mencipta pola sifat yang baik dan membentuk tingkah laku positif anak-anak melalui teladan yang diberikan (Hidayah Liew Abdullah, Haryati Shafii & Seow Ta Wee, 2022). Apabila teladan yang baik diterapkan dalam sesebuah keluarga, seorang bapa dapat membentuk personaliti anak-anak kerana anak-anak cenderung mencontohi teladan yang baik yang diberikan oleh bapa (Abdul Munir Ismail, Saharizah Salleh & Misnan Jemali, 2016).

Mufti Harussani telah menerapkan *uswah hasanah* iaitu teknik memberi contoh teladan yang baik dan berkesan mengikut kesesuaian masa dan tempat dalam mendidik anak-anaknya (Abdul Munir Ismail, 2016). Berdasarkan kepada latar belakang mufti Harussani, ia sekaligus menunjukkan contoh teladan yang baik dan berguna kepada ahli keluarganya. Ini dapat dibuktikan dengan kesungguhan beliau yang merupakan seorang bapa dan tidak pernah mengenal erti mengalah dan kekal berusaha keras bertugas dari awal pagi dan pulang hingga lewat malam kerana menaiki bas sewaktu masih belum mempunyai kereta (Ahmad Wafi, 2023). Hal ini dijadikan tauladan yang sangat berguna kepada anak-anaknya sebagai pemangkin semangat untuk ingin belajar dan berjaya seperti bapa mereka. Antara contoh tauladan lain yang diterapkan oleh mufti Harussani dalam memimpin keluarganya adalah tabiat suka membaca (Ahmad Wafi, 2023). Walaupun sudah meningkat usia, namun jiwanya masih kuat dan cekal untuk membaca bahan-bahan ilmiah seperti kitab-kitab agama yang dinukilkan oleh para ulama silam. Hal ini memperlihatkan bahawa mufti

Harussani berjaya menjadi subjek teladan dalam memangkin semangat belajar anak-anak beliau sejak diusia muda remaja lagi (Ali Mustofa, 2019).

Sebagai individu yang berketurunan Banjar, mufti Harussani telah mencapai kejayaan yang luar biasa dengan meningkatkan reputasi keturunannya apabila dilantik sebagai Mufti Kerajaan Negeri Perak. Selain sumbangan beliau dalam hal ehwal agama Islam di negeri Perak, beliau turut aktif dalam bidang penulisan dan menerbitkan beberapa buku ilmiah untuk perkongsian ilmu pengetahuan dengan masyarakat tempatan dan seluruh komuniti Islam di Malaysia. (Abdul Munir Ismail & Rashidatul Aula, 2020). Kesemua sumbangan beliau inilah dijadikan teladan kepada anak-anaknya agar mereka pula dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat pada masa akan datang. Menurut mufti Harussani, perkara terawal yang harus dilaksana dalam membina insan yang boleh menyumbang kepada masyarakat ialah menjadikan pendidikan sebagai tonggak utama (Ahmad Wafi, 2023). Oleh kerana itulah, mufti Harussani banyak memberikan teladan melalui dorongan kepada anak-anaknya dalam usaha melanjutkan pendidikan tidak kira bidang dan minat, asalkan ia dapat memberikan manfaat kepada diri dan masyarakat.

Selain daripada itu, sifat peribadi mufti Harussani juga turut dijadikan tauladan kepada ahli keluarganya. Beliau sering berlemah-lembut dalam tutur kata, tidak mengasari anak-anak secara melampaui batas, mendidik dengan didikan yang efektif, sangat mematuhi masa dan lain-lain (Ahmad Wafi, 2023). Mufti Harussani turut mempamerkan sisi-sisi kelakuan yang bersahsiah kepada anak-anak. Hal ini sekali gus menjadikan tauladan kepada anak-anak dengan menonjolkan keterampilan dan kerohanian bapanya dan ini dapat memberikan kesan positif kepada mereka. Anak-anak yang baik akan menteladani dan berusaha untuk menjadikan bapanya sebagai contoh dalam kehidupan mereka. Keteladanan ini menjadikan satu sumber yang sangat bernilai bagi anak-anak kerana sifat ini suatu kepimpinan yang sangat besar dalam mendidik kepimpinan sesebuah institusi keluarga. Nilai keteladanan yang dibawa sangat memberi kesan yang efektif kepada anak-anak apabila mufti Harussani sendiri banyak membuat perkara-perkara yang disenangi oleh anak-anak.

## **6.0 KESIMPULAN**

Secara tuntasnya, mufti Harussani merupakan seorang tokoh berwibawa apabila dilantik sebagai mufti negeri Perak Darul Ridzuan hampir 40 tahun lamanya. Ketokohan mufti Harussani dalam memimpin hal ehwal agama Islam di negeri Perak menjadikan beliau dihormati dan disanjung

tinggi di mata masyarakat. Kehebatan tokoh ini tidak dapat disangkal lagi apabila beliau telah menerima anugerah Tokoh Ulama Sepanjang Zaman yang diumumkan dalam Majlis Perdana Ulama-Ulama dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam. Sifat kepemimpinan beliau bukan sahaja terserlah sebagai ketua agama di negeri Perak, bahkan dijadikan contoh wibawa dalam memimpin ahli keluarga khususnya dalam aspek pendidikan. Pendidikan merupakan satu proses untuk manusia mengubah diri serta kehidupan masing-masing ke arah kebaikan sama ada melalui pendidikan formal mahupun pendidikan tidak formal. Oleh yang demikian, kepemimpinan mufti Harussani dari sudut pendidikan dalam institusi kekeluargaan ini dapat dibahagikan kepada lima iaitu, pendidikan yang konservatif, pendidikan agama sebagai teras utama, ketegasan dalam mendidik, bertanggungjawab terhadap pendidikan dan pendidikan melalui tauladan. Sehubungan itu, artikel ini mencadangkan agar kajian lanjutan diteruskan bagi mendalami lebih banyak aspek yang boleh dijadikan contoh dalam kehidupan terhadap kepemimpinan peribadi tokoh wibawa mufti Harussani.

## 6.0 RUJUKAN

- Abdul Munir, I. & Rashidatul, A. (2020). Metode Dakwah Orang Tua Suku Banjar Mendidik Anak-Anak Patuhi Ajaran Islam. *Jurnal al-Ijtima'iyyah*. Vol. 6. No. 2. UIN Ar-Raniry.
- Abdul Munir, I., Saharizah, M. S. & Misnan, J. (2016). Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka. *Jurnal Perspektif*. Vol. 8. Bil. 2. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Abdullah, N. H. L., Shafii, H., & Wee, S. T. (2013). Pengetahuan Murid dan Perkaitan Ibu Bapa Terhadap Kesedaran Alam Sekitar: Satu Kajian Awal. *Jurnal Teknologi*. Vol. 64. No. 1. Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Ahmad Wafi, H. (2023, Ogos 07). Kepimpinan Mufti Harussani terhadap Pendidikan Kerjaya dalam Institusi Keluarga. [Interview].
- Ali, M. (2019). Metode Keteladanan Perspektif Pendidikan Islam. *Jurnal Cendiakawan: Studi Keislaman*. Vol. 5. No. 1. STAI Hasan Jufri Bawean.
- Alif, C. S. (2012). Pendidikan Islam Dalam Lingkaran Globalisasi. *Jurnal At-Ta'dib*. Vol. 7. No. 2. Universiti Darussalam Gontor (UNIDA).
- Bahagian Unit Fatwa Dan Istinbat t.th Fikrah Mufti. (n.d.) (2023). Jabatan Mufti Perak.
- Bin Roslan, M. M. (2023). Hubungan Kesan Psikologi dan Masalah Sosial dengan Teori Hifz Al-Nafs dalam Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf: Analisis Fatwa Kebangsaan: The Relationship of Psychological Effects and Social Problems with Hifz Al-Nafs Theory in The Fatwa on the Named Lineage of Illegitimate Children: National Fatwa Analysis. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(1), 86–100. Retrieved from: <https://doi.org/10.53840/jpi.v16i1.240>
- Chris, W. (2000). Being Assertive. University of Leeds Innovations Ltd.
- Eddy, P.L. (2013). Developing Leaders: The Role of Competencies in Rural Community Colleges. *Community College Review* 41(1): 20-43.



- Elfi Yuliani, R. (2016). Mengembangkan Karakter Tanggungjawab pada Pembelajar, Perspektif Psikologi, Barat dan Psikologi Islam. *Jurnal al-Murabbi: Jurnal Studi Kependidikan dan Keislaman*. Vol. 3. No. 1. Sekolah Tinggi Agama Islam, Negeri Ponorogo.
- Hamdan, A. K. & Abdul Rahim, M. (2010). *Tingkah Laku Asertif Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Lima Aliran Sains dan Sastera di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Bentara Dalam, Segamat, Johor*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hayati Ibrahim. (2017, Ogos 3). Harussani diumumkan Tokoh Ulama Sepanjang Zaman. *Harian Metro*:  
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/08/250132/harussani-diumum-tokoh-ulama-sepanjang-zaman>
- Ibnu Kathīr, F. (2003). *Tafsir Ibnu Kathīr*. (Ishaq, M. A., Trans.). 1st ed. Pustaka Imam Syafii.
- Kamaruddin, S. & Nurul Athirah, M. A. (2022). *Pemikiran Islam (Allahyarham) Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria*. M.A. Candidate at The Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bangi, Selangor-Malaysia.
- Kamus Dewan Bahasa. (2015). 4th ed. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- M., M. R. (2024). Kaedah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Kesannya Kepada Murid Tahap Satu: Analisis Subjek Pendidikan Islam/ Classroom Assessment Method (PBD) And Its Impact On Level One Pupils: Analysis Of Islamic Education Subjects. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 11(1), 63–78. Retrieved from: <https://doi.org/10.11113/umran2024.11n1.678>
- M. R. , M., & O.Z., A. (2022). Garis Panduan Terhadap Penerapan Maqasid Syariah dalam Fatwa: Analisis Ijtihad Maqasidi. *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, 5(2), 1–11. Retrieved from: <http://devojs.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles/article/view/108>

- Mochamad Nasichin, M. & Muhammad, M. (2020). Pendekatan Konservatif dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Penelitian*. V. 14. N. 1. Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Tulungagung, Indonesia.
- Mohd Fauzi, H., Mohd Fakhruddin, A. M. & Che Zarina, S. (2006). *Pemikiran Islam Dan Cabaran Semasa*. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaysia: Kuala Lumpur.
- Muhammad Khairi, M. (2018). Kepimpinan Berdasarkan Kecerdasan Hati Dalam Islam. *Jurnal JTPM: Teknologi Pendidikan Madrasah*. (2018)1 (1), 1-8. Institut Agama Islam Al-Mawaddah Warrahmah Kolaka.
- Muhammad Khalis, I. & Mohd Roslan, M. N. (2022). Perkembangan Konservatisme di Türkiye: Pengajaran Buat Kelestarian Islam di Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*. Vol. 17 (2), 2022, 113-126. Universiti Malaya (UM).
- Najeemah, M. Y. (2006). *Konsep Pendidikan*. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Renna, H. R. (2022). Konsep Pendidikan Menurut John Locke dan Relevansinya bagi Pendidikan Sekolah Dasar di Wilayah Pedalaman Papua. *Jurnal Papeda: Jurnal Publikasi Pendidikan Dasar*. Universitas Pendidikan Muhammadiyah Sorong.
- Roslan, M. M. (2023). Symptoms of Social Problems Regarding the Named Lineage of Illegitimate Children to Abdullah: National Fatwa Analysis. *Firdaus Journal*, 3(1), 39–50. Retrieved from: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol3.1.5.2023>
- Roslan, M. M. (2023). Metodologi Pendalilan terhadap Fatwa Pensabitan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Penamaan kepada Abdullah: Argument Methodology Against Fatwa Conviction of Illegitimate Children's Lineage in Malaysia: Analysis of the Appointment Name to Abdullah. *Journal of Muwafaqat*, 6(2), 19–34. Retrieved from: <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v6i2.140>
- Roslan, M. M., & Zainuri, A. O. . (2023). Kekhilafan Menerapkan Maqasid Syari'ah Dalam Pengeluaran Fatwa: Analisis Ijtihad Maqasidi: Arguments In Applying Maqasid Syari'ah In The Fatwa Issuance: An Ijtihad Maqasidi Analysis. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(1), 132-148. Retrieved from:

<https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no1.464>

Roslan, M. M. (2022). The Problem of Depression Regarding the Namement of Illegitimate Children's Lineage to Abdullah: National Fatwa analysis. *Firdaus Journal*, 2(2), 31–42. Retrieved from:

<https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.2.4.2022>

Roslan, M. M., & Osman Zainuri, A. (2023). Teori Hifz Al-Nafs Dalam Maqasid Syariah: Analisis Pendalilan: The Theory of Hifz Al-Nafs In Maqasid Syariah: Argumentation Analysis. *Journal of Muwafaqat*, 6(1), 1–13. Retrieved from: <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v6i1.121>

Roslan, M. M. (2023). Metodologi Pendalilan terhadap Fatwa Pensabitan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Penamaan kepada Abdullah: Argument Methodology Against Fatwa Conviction of Illegitimate Children's Lineage in Malaysia: Analysis of the Appointment Name to Abdullah. *Journal of Muwafaqat*, 6(2), 19–34. Retrieved from: <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v6i2.140>

Roslan, M. M. (2023). Pendalilan Teori Hifz Al-Nafs dalam Maqasid Syari'at: Analisis Surah-Surah Pilihan: [Argumentation of Hifz Al-Nafs Theory in Maqasid Syari'at: An Analysis from Selected Surahs]. *KQT EJurnal*, 3(2), 1–12. Retrieved from: <http://ejurnal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/74>

Roslan, M. M., & Osman Zainuri, A. (2023). Hubungan Tahap Kefahaman dan Pengamalan Solat Fardu Terhadap Hasil Pembelajaran Kursus Fiqh al-Ibadat dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, 6(1), 1–12. Retrieved from: <http://devojs.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles/article/view/139>

Roslan, M. M., & H., Z.- kifli. (2022). The Relationship Between Psychological Effects and Social Crisis for Illegitimate Children: An Analysis in Their Name Title. *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, 5(2), 1–12. Retrieved from: <http://devojs.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles/article/view/102>

Shabri, S. A. (2014). Tanggung jawab Pendidikan Dalam Perspektif Psikologi Agama. *Jurnal Ilmiah Psikologi*. UIN Sunan Gunung Djati, Bandung.

Siti Nur Zakirah, M. H. (2014). Hubungan Antara Tingkah Laku Tegas Diri Dengan Tekanan Dalam Kalangan Ibu Tunggal Bekerja Yang Berdaftar Di Pertubuhan Ibu Tunggal C.A.R.E Negeri Johor. Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Siti Qurrotul 'Ayuni, U. (2020). Analisis Pemikiran Pendidikan Menurut Ibnu Sina dan Kontribusinya Bagi Pendidikan Islam di Era Modern. *Journal of Islamic Education Research*. 1(3), 225-238. IAIN Jember.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*